



● Dua pegawai MPAJ mengambil sampel lava nyamuk dalam operasi yang dijalankan di Kampung Melayu Ampang.

# Kenal pasti lokasi punca denggi

AMPANG - Saban hari Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjalankan operasi membanteras nyamuk Aedes di beberapa lokasi panas denggi di bawah kawasan pentadbirannya.

Sehingga kini sebanyak lima tapak pembinaan di sini diarahkan berhenti daripada menjalankan kerja pembinaan oleh pihak MPAJ kerana lava nyamuk Aedes didapati di kawasan tapak pembinaan terbabit.

Inspektor Kesihatan MPAJ merangkap Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Mohd Khairil Anuar berkata, perintah arahan tersebut akan ditarik balik apabila pihaknya mendapati kawasan terbabit dibersihkan.

Katanya, antara tapak pembinaan yang diarahkan berhenti daripada menjalankan kerja pembinaan adalah di Pandan Mewah, Taman Putra, Taman Melawati dan AU3 Keramat.

"Pihak MPAJ telah mengadakan operasi di Kampung Melayu Ampang yang melibatkan 40 kediaman penduduk dan satu

tapak pembinaan di sebuah sekolah di sini.

"Di tapak pembinaan ini pihak MPAJ telah mengambil dua botol sampel lava nyamuk," katanya.

Menurutnya, pihaknya kesal dengan tindakan pihak kontraktor di tapak pembinaan terbabit apabila pihak MPAJ mendapati beberapa longgokan kayu yang mempunyai paku dilonggokkan di kawasan yang tidak sesuai, secara tidak langsung akan membahayakan pelajar di sekolah itu.

Sementara itu, Mohd Khairil berkata, MPAJ akan mengeluarkan kompaun sebanyak RM100 untuk sebotol dan maksimum kompaun adalah RM500 apabila botol sampel terbabit disahkan mempunyai lava nyamuk Aedes.

"Masyarakat masih menyalah tafsir apabila beranggapan pembiakan nyamuk Aedes adalah di air yang kotor yang berada di dalam longkang utama. Nyamuk Aedes hanya akan membiak di dalam air yang bersih dan bertakung, nyamuk Aedes dewasa boleh terbang sejauh 400 meter

radius daripada tempat ia menetas," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyarankan kepada pemilik rumah atau premis membersihkan kawasan sekitar seminggu sekali, terutama di tempat-tempat yang menjadi tumpuan pembiakan nyamuk.

"Pihak MPAJ turut mengadakan semburan, namun semburan tersebut hanya berkesan untuk nyamuk dewasa, saya menyarankan agar pemilik rumah dapat membersihkan kawasan persekitaran rumah mereka seminggu sekali.

"Dalam masa yang sama MPAJ turut mengadakan gotong-royong serta mengedar risalah untuk meningkatkan lagi kesedaran tentang bahaya denggi," katanya.

## INFO

**Operasi di Kampung Melayu Ampang melibatkan 40 kediaman dan satu tapak pembinaan di sebuah sekolah.**